

25 JUL 1997

## ASEAN AKAN TENTANG KOMPLOT ANTARABANGSA UNTUK MENGGUGAT MATA WANG ASEAN

Oleh: Tham Choy Lin

PETALING JAYA, 25 Julai (Bernama) -- Menteri-menteri Luar Asean telah melahirkan kebimbangan yang mendalam terhadap kegiatan memanipulasi matawang di peringkat antarabangsa yang menurut mereka telah menyebabkan mata wang negara-negara di rantau ini menjadi tidak stabil.

"Usaha-usaha yang dirancang rapi untuk mewujudkan keadaan tidak stabil di kalangan mata wang negara-negara Asean untuk kepentingan sendiri" mengancam kestabilan semua ekonomi berkenaan," jelas mereka dalam kenyataan bersama yang akan dikeluarkan lewat hari ini pada akhir Mesyuarat Peringkat Menteri Asean ke-30 di sini hari ini.

Seruan itu, yang belum pernah dibuat dalam sejarah 30 kewujudan Asean, disuarakan ketika mata wang Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia terus menerima tekanan apabila para spekulator menjual mata wang negara-negara tersebut untuk membeli dolar Amerika.

Para spekulator mendakwa kebimbangan mengenai jumlah pinjaman yang berlebihan yang dikeluarkan kepada sektor harta, defisit akaun semasa, masalah perbankan, kenaikan kadar faedah yang begitu ketika dan pertumbuhan eksport yang perlahan di rantau berkenaan, menjadi punca serangan itu.

Bagaimanapun, kebanyakan pihak di Asean berpendapat para spekulator sebenarnya ingin melemahkan ekonomi Asean.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat kenyataan secara terang apabila beliau menuduh "para spekulator yang jahat" ingin "memusnahkan" negara-negara lemah dalam usaha mereka untuk mewujudkan masyarakat terbuka.

Menurut beliau, pakatan yang wujud di kalangan negara-negara Asean sekarang tidak berkesan untuk menangani serangan spekulatif.

Sehubungan itu, para menteri luar Asean menyarankan agar kerjasama di kalangan negara-negara anggota kumpulan itu dipertingkatkan lagi bagi melindungi dan memperkukuhkan kepentingan Asean dalam bidang berkaitan.

Para pegawai bank pusat dari Asia Timur dan Pasifik yang kini bermesyuarat di Shanghai, antara lain, dijangka membincangkan krisis mata wang yang bermula dengan pengapungan bhat Thaipada 2 Julai akibat serangan para spekulator yang hingga kini masih belum reda. -- BERNAMA

TCL DIN MA